



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN
MINISTRY OF ENTREPRENEUR DEVELOPMENT



DIMENSI KOOOP

www.ikkm.edu.my

ISSN 1823-1586 .B11.60(1/2019) . RM8.50

LONJAKAN EKONOMI
DIGITAL MELALUI
E-MARKETPLACE

WAWANCARA

AKTIVITI PELABURAN KHAS
KOPERASI PEKEBUN
KECIL WILAYAH JOHOR
SELATAN BERHAD
(KOPRIS)

**MEWUJUDKAN
CHARITY SHOP
(KEDAI AMAL)**
DALAM KOPERASI



MS ISO 9001:2015



REG. No. QMS 01443

ISSN 1823-0008



9 771823 000003

01586



ISSN 1823-1586

RM8.50

B11.60(1/2019)

www.ikkm.edu.my

SIDANG REDAKSI DIMENSI KOOP

Penaung

Tn. Hj. Ariffin Mamat
Ketua Pengarah

Penasihat

Tn. Hj. Ramlan Kamsin
Timbalan Ketua Pengarah (Akademik)

Ketua Editor

En. Mohd Zaib Mat Yunus

Timbalan Ketua Editor

Pn. Azmaliza Arifin

Sidang Editor

Pn. Nor Aslamiah Ali
Pn. Norhayati Abd. Rahman
En. Faiz Ahmad Yatim
Pn. Salwana Ali
Pn. Noor Shafeeza Zainuddin
En. Muhammad Yusuf Ibrahim
En. Mohd Faisal Shariff
En. Asha'ari Arshad
Pn. Ayu Diana Awang
Pn. Nor Arma Abu Talib
Pn. Nor Alyani Abd Razak

Pegawai Penerbitan

Cik Zaharatul Laili Zakaria

Reka Bentuk dan dicetak oleh:

Maziza Sdn Bhd

No. 9, Jalan 111, Helang Sewah
Kepong Baru, 52100 Kuala Lumpur

Tel : 03-6274 5331 / 4193

03-6272 6345

Faks : 03-6274 8246

Emel : maziza.sdn.bhd@gmail.com

DARI MEJA KETUA EDITOR



Alhamdulillah tahun 2018 telah selamat melabuhkan tirai dengan jayanya di mana majalah DIMENSI KOOP telah berjaya diterbitkan sebanyak empat kali dengan memaparkan isu yang menarik berkaitan koperasi amnya dan aktiviti *trending* khususnya. Kini bagi tahun 2019, sidang redaksi dan penulis melangkah dengan penampilan yang lebih berfokus seiring dengan transformasi Maktab Koperasi Malaysia (MKM) kepada Institut Koperasi Malaysia (IKM). Penjenamaan baharu ini secara tidak langsung telah memberi perubahan keseluruhan kepada warga kerja MKM yang menantikan sekian lama terhadap transformasi ini sejak penubuhannya pada tahun 1956. Harapan semoga tahun 2019, keluaran majalah DIMENSI KOOP ini akan dapat memberi nafas baharu dalam memperkasakan gerakan koperasi di Malaysia seiring aspirasi Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) khususnya dalam Rangka Kerja Keusahawanan Nasional (NEF) yang sangat komprehensif.

Penubuhan Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) telah menyemarakkan semula keusahawanan bukan sahaja dalam kalangan individu malah di peringkat gerakan koperasi. Agensi yang berada di bawah MED termasuklah Institut Keusahawanan Negara (INSKEN), SME Corporation, SME Bank, Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Malaysian Global Innovation and Creativity Centre (MaGIC) dan Bank Rakyat diharapkan dapat merealisasikan matlamat pembangunan keusahawanan secara holistik. Bagi IKM pula, dipertanggungjawabkan bagi menerajui keusahawanan khususnya memperkasakan modal insan dalam keusahawanan koperasi. Sewajarnya modal insan koperasi di peringkat ALK, JAD dan pihak pengurusan hendaklah dilengkapi dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran keusahawanan agar koperasi terus relevan selaku penyumbang ekonomi ketiga selepas sektor awam dan sektor swasta.

Terbitan pada kali ini memaparkan rencana yang menarik dalam pelbagai isu seperti Pengurusan Perniagaan, Teknologi Maklumat dan Informasi (ICT), Digital Ekonomi dan Komuniti. Antara yang dimuatkan adalah rencana mengenai kedai amal (Charity Shop) yang berpotensi untuk diaplikasikan dalam gerakan koperasi di Malaysia khususnya dalam membantu anggota meningkatkan ekonomi seperti mana yang digariskan dalam prinsip koperasi. Turut diketengahkan menerusi Dimensi Koop keluaran kali ini adalah beberapa rencana seperti wawancara bersama Koperasi Pekebun Kecil Wilayah Johor Selatan Berhad (KOPRIS) yang berkongsi pengalaman dalam aktiviti bidang keberhasilan ekonomi (NKEA) dalam sektor pertanian dan asas tani, sektor penternakan dan sektor pelancongan diri dan kesihatan.

Malah, beberapa rencana berkaitan ICT turut diselitkan seiring dengan peredaran semasa. Kita sedia maklum bahawa ledakan ICT telah bergerak dengan pantas di luar negara mahupun di Malaysia dan gerakan koperasi seharusnya merebut peluang dalam melonjak perolehan ekonomi digital melalui e-Marketplace yang sangat popular sejak kebelakangan ini. Dalam mengharungi perniagaan tersebut, koperasi hendaklah memahami cabaran trend pemasaran digital agar koperasi dapat berdaya tahan dan berdaya saing dalam meneruskan kelangsungan perniagaan. Terdapat juga rencana berkaitan fiqh muamalat tentang panduan pembelian rumah menggunakan kontrak Musharakah Mutanaqisah yang berlandaskan kepada prinsip syariah.

Semoga majalah DIMENSI KOOP keluaran pertama kali ini dapat menyuntik semangat, penjanaan idea baharu serta merangka strategi perniagaan kepada barisan kepimpinan koperasi dan pihak pengurusan dalam membantu agenda pembangunan gerakan koperasi di Malaysia. Walau bagaimanapun, sokongan dan kekuatan daripada anggota koperasi amatlah diperlukan dan ia turut menyumbang kepada faktor kejayaan dalam sesebuah koperasi. Ibarat kata pepatah "*Bulat Air Kerana Pembetung, Bulat Manusia kerana Berkoperasi.*"

Mohd Zaib Mat Yunus

KANDUNGAN

48



02

Mewujudkan Charity Shop (Kedai Amal) dalam Koperasi

38

9 Cabaran Trend Pemasaran Digital kepada Koperasi

48

Petanque Sukan Berjiwa Koperasi

62

Lonjakan Ekonomi Digital melalui E-marketplace



02



62

TURUT DIMUATKAN :

10

Wawancara Aktiviti Pelaburan Khas Koperasi Pekebun Kecil Wilayah Johor Selatan Berhad (KOPRIS)

20

Tip Memilih Perisian Perakaunan Koperasi

28

Strategik Gabungan Perniagaan Koperasi

54

Melestarikan Modal Insan Koperasi dalam Komuniti

70

Kontrak Musharakah Mutanaqisah dalam Pembelian Rumah

MEWUJUDKAN *CHARITY SHOP* (KEDAI AMAL) DALAM KOPERASI



Hasrin Abu Hassan
Pusat Pembangunan Komuniti
hasrin@ikkm.edu.my



Charity
Shop



Pengenalan

Berkesempatan tinggal selama tiga tahun setengah di Lancaster, England, United Kingdom (UK) memberi peluang kepada penulis menelusuri pelbagai pengalaman baharu. Manakan tidak, negara yang pernah menjajah Tanah Melayu ini mempunyai penceritaan yang panjang dalam membentuk peradabannya sendiri. Peralihan kuasa yang memerintah dari suatu zaman ke zaman yang lain banyak mencorakkan perjalanan sistem yang diamalkan oleh negara *Union Jack* ini dalam masyarakat mereka. Perbezaan warna kulit, bangsa, iklim, cara hidup, budaya, perhubungan dan lain-lain lagi, memerlukan pendekatan dan kaedah penyampaian yang berbeza berbanding dengan negara kita. Baik dari segi penggunaan teknologi, sistem pendidikan, proses mendapatkan perkhidmatan kesihatan, penguatkuasaan undang-undang, urusan pembelian dan penjualan barang, hubungan sosial dan sebagainya dilaksanakan dengan kaedah yang sesuai disampaikan kepada rakyat. Penulis merasakan bahawa beberapa pendekatan sistem sosial yang dijalankan oleh negara ini boleh diadaptasi di Malaysia kerana kebbaikannya dapat dinikmati oleh masyarakat. Salah satu yang menarik perhatian penulis di sana adalah dengan kewujudan *charity shop*.

Charity shop atau diterjemahkan secara langsung ke bahasa Melayu sebagai kedai amal, begitu banyak terdapat di luar negara seperti di England, Scotland, Wales, Ireland, Jerman dan lain-lain lagi. Kedai yang dikenali juga sebagai kedai berjimat cermat (thrift shop) ini adalah kedai menjual barang-barang pengguna yang mana ia dikendalikan oleh sesebuah organisasi amal bagi tujuan mengumpul wang. Misalnya di UK, organisasi British Heart Foundation yang merupakan badan amal yang berkaitan dengan pesakit dan penyakit jantung, lebih dari 700 kedai amal telah diwujudkan. Kedai amal boleh dikatakan sebagai perniagaan sosial atau keusahawanan sosial (social enterprise/social entrepreneurship) kerana matlamat penubuhannya adalah bermotifkan perniagaan dan sosial. Ini adalah kerana organisasi seperti ini menggunakan strategi memaksimumkan sosioekonomi kawasan sekeliling yang terdiri daripada masyarakat dan alam sekitar termasuk haiwan dan tumbuh-tumbuhan. Justeru, segala objektif dan aktiviti mesti didasari matlamat sosial bagi membezakannya dari organisasi korporat lain.

Struktur perniagaan sosial seperti kedai amal ini terbahagi kepada dua bentuk iaitu yang bermotifkan

keuntungan dan yang bukan bermotifkan keuntungan. Ada kalanya ia dibentuk seperti syarikat berkepentingan komuniti, syarikat yang dinaungi oleh organisasi amal, yayasan kebajikan dan tidak ketinggalan juga yang beridentitikan sebagai sebuah koperasi. Kedai amal ini kebanyakannya menjual barangan terpakai (prelove) seperti perabot, pakaian, buku, peralatan rumah, perhiasan rumah atau diri dan lain-lain lagi. Ia dikendalikan oleh pihak sukarelawan bagi memenuhi masa terluang mereka. Barang-barang yang dijual ini merupakan pemberian atau sumbangan daripada masyarakat di sekeliling kawasan yang berhampiran dengan kedai "charity shop". Penghantaran barang ke kedai dibuat sama ada oleh penyumbang sendiri atau pihak kedai yang menguruskan pengambilannya dari rumah penyumbang. Hasil bersih daripada pendapatan jualan boleh digunakan mengikut tujuan amal organisasi tersebut. Oleh yang demikian, penulis berpendapat bahawa kedai amal wajar diwujudkan oleh gerakan koperasi di Malaysia memandangkan manfaatnya sangat baik kepada koperasi dan anggota koperasi.



Selayang Pandang

Salah satu kedai amal terawal ditubuhkan oleh Wolverhampton Society for the Blind (kini dikenali sebagai Beacon Center for the Blind) pada tahun 1899. Ia diwujudkan untuk menjual barangan yang dihasilkan oleh orang cacat penglihatan untuk mengumpul wang untuk masyarakat pada waktu itu. Semasa Perang Dunia Ke-2, penubuhan kedai amal semakin bertambah bilangannya. Sebagai contoh, Universiti Edinburgh Settlement telah membuka 'Shop Thrift for Everyone' pada 1937. Persatuan Red Cross pula pada tahun 1941 membuka kedai amalnya yang pertama. Sepanjang tempoh tersebut, lebih daripada 200 kedai amal telah dibuka. Lesen kedai yang dikeluarkan oleh Lembaga Perdagangan dengan mengambil kira beberapa syarat seperti semua barang yang ditawarkan untuk jualan adalah berupa hadiah yang mana harga jualan adalah rendah dan pembelian untuk penjualan semula adalah dilarang. Pendapatan jualan disalurkan kepada Duke of Gloucester's Red Cross atau St John Fund. Premis ini biasanya beroperasi secara percuma hanya perlu membuat perbelanjaan bagi kegunaan utiliti sahaja.

Penulis cuba membawakan beberapa contoh kedai amal yang banyak terdapat di England. Sedikit sebanyak ia dapat memberi gambaran kepada pembaca dan khususnya kepada gerakan koperasi agar dapat menjadi buah fikiran untuk melaksanakannya. Antara kedai amal yang terkenal dan banyak menyumbang kepada komuniti adalah seperti catatan di bawah:



British Heart
Foundation



OXFAM





British Heart Foundation

British Heart Foundation (BHF) merupakan satu organisasi amal di United Kingdom. Ia diasaskan pada tahun 1961 oleh sekumpulan pakar perubatan yang prihatin terhadap peningkatan kadar kematian akibat penyakit kardiovaskular. Oleh itu, ia ditubuhkan untuk membiayai penyelidikan ke atas penyebab, diagnosis, rawatan, dan pencegahan penyakit jantung dan peredaran darah.



OXFAM

Oxfam merupakan persekutuan 20 organisasi kebajikan yang memberi tumpuan kepada pengurangan kemiskinan global. Ia ditubuhkan pada tahun 1942 di Broad Street, Oxford, England oleh sekumpulan agamawan, aktivis sosial, dan ahli akademik Oxford.

Organisasi ini melaksanakan program-program yang menangani punca kemiskinan dengan menyokong serta membuka pasaran antarabangsa seperti contoh kraf tangan dari wilayah yang miskin supaya boleh dijual dengan harga yang lebih patut untuk memberi manfaat kepada pengeluar. Selain mendapat sumbangan penderma, Oxfam mempunyai kedai-kedai amal di seluruh dunia yang menjual banyak barangan para penyumbang yang mana hasilnya digunakan untuk misi mereka. Lebih separuh daripada kedai amal berada di UK dengan sekitar lebih 750 kedai amal termasuk kedai-kedai khusus seperti buku, muzik, perabot dan pakaian pengantin. Oxfam merupakan peruncit buku terpakai kedua terbesar di Eropah, yang menghasilkan jual sekitar £12 juta setahun.



Age UK yang ditubuhkan pada 25 Februari 2009 merupakan badan amal yang berdaftar di United Kingdom. Organisasi ini terhasil daripada penggabungan dua badan amal iaitu Age Concern Help the Aged yang memfokuskan kepada hal warga berusia seperti tersisih dan terabai daripada keluarga, kemiskinan dan lain-lain.

Bagi menampung perjalanan badan amal ini selain daripada sumbangan penderma, lebih daripada 520 kedai amal di bawah kendalian Age UK telah diwujudkan. Seperti kedai amal yang lain, kedai amal Age UK menjual barangan terpakai seperti pakaian, aksesori, buku, barangan rumah dan lain-lain lagi.



Kebaikan Mewujudkan Kedai Amal

Selain harga barangan di kedai amal yang rendah, pihak-pihak yang mencintai alam sekitar amat menyokong langkah mewujudkan kedai amal. Ini kerana langkah tersebut dapat memulihara dan mengawal pencemaran serta pembaziran. Pada mereka, sekiranya satu set perabot kayu terpakai digunakan semula, ia dapat mengurangkan batang pokok yang ditebang untuk pembuatannya.

Pakaian terpakai sebahagiannya mendapat permintaan yang tinggi memandangkan ia berjenama dan rendah pula harganya. Adalah lebih beretika memakai pakaian *second-hand* yang berjenama daripada menyalur pakaian tiruan. Malah, kecenderungan untuk berbelanja membeli pakai second-hand vintaj dan berjenama kian mendapat tempat dihati anak muda. Pakaian terpakai adalah selamat dipakai seperti diperakui oleh South Australian Public Health Directorate yang mengatakan risiko kesihatan membeli pakaian terpakai sangat rendah. Ini kerana dengan membasuh barangan tersebut dalam air panas sudah berupaya menghapuskan jangkitan penyakit dan selamat untuk digunakan.

Bagi pakaian terpakai yang tidak bergerak jualannya akan disalurkan secara percuma kepada rumah-rumah kebajikan atau pertubuhan yang memerlukan. Ini diperlukan sekiranya sesuatu tempat dalam atau luar negara berlaku musibah seperti banjir, kebakaran, gempa bumi dan lain-lain lagi. Sekiranya pakaian tersebut telah rosak, kedai amal boleh menjual kepada pihak yang memproses tekstil. Di UK misalnya, setiap kedai amal dapat menyelamatkan purata 40 tan tekstil atau sekitar 363,000 tan setiap tahun dengan menjualnya

kepada pihak yang berminat atau menyerahkannya kepada pedagang tekstil untuk di kitar semula atau digunakan semula seperti dijadikan lapisan bahagian dalam beg, kasut, tali pinggang dan sebagainya. Ini dapat mengurangkan impak pencemaran alam sekitar jika pelupusan dilakukan secara pembakaran. Kos pelupusan dalam bentuk cukai *landfill* sekitar £48 setiap tan dapat dielakkan. Oleh yang demikian, langkah tersebut dapat menjimatkan kewangan organisasi.

Dalam konteks Malaysia, koperasi boleh melaksanakan aktiviti tersebut dengan menggerakkan aktiviti yang boleh memberi manfaat kepada anggota dan masyarakat. Sebagai contoh, kedai koperasi boleh mengumpul baju-baju sekolah terpakai, beg, kasut, alat tulis dan lain-lain lagi untuk disumbangkan atau dijual kembali. Harga yang ditawarkan tentunya lebih murah dan boleh memanfaatkan golongan tertentu yang memerlukan perkhidmatan sebegini. Buku-buku teks dan buku latihan juga sekiranya dikumpulkan akan ada golongan yang memerlukannya. Selain itu, kedai amal koperasi boleh juga beroperasi sebagai tempat mengumpul barangan penderma yang menyumbang barang makanan yang tahan lama seperti beras, tepung, minyak, makanan dalam tin dan sebagainya. Barangan ini boleh disalurkan kepada anggota koperasi atau masyarakat yang memerlukan dan selebihnya dijual dengan harga murah daripada pasaran. Di samping barangan kering dan tahan lama, kedai amal juga boleh menerima sumbangan dalam bentuk bahan makanan basah atau "perishable items" seperti buah-buahan, sayuran dan sebagainya.

Contoh yang lain pula, bagi pasangan yang baru berkahwin sudah tentu merasa beratnya perbelanjaan untuk

memulakan kehidupan berumah tangga. Salah satu alternatif yang dapat membantu mereka ialah dengan mendapatkan peralatan dan perkakasan rumah di kedai amal. Barangan keperluan seperti cawan, pinggan, mangkuk, meja, katil, sofa, almari dan barangan lain dapat dibeli dengan murah. Bagi sesetengah orang pula, mereka boleh memperoleh barangan koleksi seperti buku, cakera padat, majalah, barangan vintaj dan lain-lain di premis ini. Tidak ketinggalan bagi mereka yang mencari perhiasan rumah seperti lukisan, barangan kaca dan seramik serta ukiran kayu turut terdapat di kedai amal. Bagi mereka yang berbajet rendah untuk keperluan diri, jangan risau kerana di kedai amal terdapat beraneka kasut, pakaian, beg, perhiasan diri, topi dan pelbagai lagi.

Selanjutnya, seperti yang kita sedia maklum terdapat buku-buku, majalah, risalah atau lukisan anak-anak kita yang mengandungi kalimah suci al-Quran. Kadang-kadang bahan penerbitan dan pencetakan sebegini mudah rosak dan terkoyak. Sebagai orang Islam, kita diperintahkan untuk memelihara kesucian kalimah Allah ini. Justeru, kedai amal koperasi boleh bertindak sebagai tempat mengumpulkan bahan-bahan penerbitan dan pencetakan untuk dihantar tempat yang diperakui melaksanakan prosedur pelupusan dengan cara yang terbaik. Maka sedikit bayaran boleh dikenakan untuk perkhidmatan yang sebegini.

Modus Operandi Kedai Amal di Koperasi

Daripada pemerhatian dan pembacaan yang dilakukan, penulis merasakan bahawa gerakan koperasi di Malaysia boleh mewujudkan kedai amal ini memandangkan objektif

penubuhannya adalah bermotifkan kebajikan kepada anggota secara khusus dan amnya kepada masyarakat. Senarai di bawah adalah modus operandi yang memungkinkan kedai amal boleh beroperasi di koperasi iaitu:

Perkara	Keterangan
Kedai Amal (Penempatan dan lokasi)	Ini memandangkan sesetengah koperasi mempunyai bangunan atau pejabat yang luas dan kosong. Adalah menjadi satu pembaziran sekiranya terdapat ruangan yang tidak digunakan secara optimum. Maka adalah baik ruangan tersebut diwujudkan kedai amal ini. Kedai amal ini dijadikan hab bagi pengumpulan dan pengasingan barangan yang disumbangkan oleh para penderma individu ataupun pelbagai organisasi.
Sumber Manusia (Pekerja)	Aktiviti ini boleh dikendalikan secara sukarela atau bayaran secara sugu hati. Sukarelawan boleh terdiri daripada anggota koperasi, anak-anak anggota, pekerja separuh masa, individu daripada badan pertubuhan kebajikan, belia, pelajar lepasan sekolah dan universiti serta individu yang berminat dengan program kesukarelawan.
Aktiviti Tugas	Kerja-kerja pengasingan barangan, penyusunan di rak, meletakkan harga setiap barangan yang dijual, pembersihan barangan yang dipamerkan dan pembaikan barangan yang boleh digunakan adalah antara deskripsi tugas yang perlu dilakukan. Kadang-kala perkhidmatan menghantar barangan yang dibeli oleh pelanggan seperti meja, set perabot, almari dan sebagainya. Selain itu, perkhidmatan mengambil barangan yang disumbangkan oleh penderma boleh juga dilakukan. Sedikit bayaran atas perkhidmatan ini boleh dikenakan sebagai pendapatan.
Dokumentasi	Pihak Anggota Lembaga Koperasi (ALK) dan pihak pengurusan perlu membuat aturan-aturan yang berkaitan dengan bentuk sumbangan, wang sumbangan, pengagihan barangan, wang jualan atau kutipan dan sebagainya. Selain itu, perlu dibangunkan Manual Prosedur Kerja (SOP), borang-borang yang digunakan, dokumen keluar-masuk barang dan lain-lain lagi.
Pemantauan	Pihak ALK perlu melantik 'task force' dalam kalangan anggota koperasi untuk memantau operasi kedai amal. Tanggungjawab ini sangat penting bagi memastikan perjalanan dan matlamat penubuhan kedai amal ini berlangsung dengan baik. Memegang amanah untuk kerja-kerja amal kebajikan perlu dilaksanakan dengan teliti. Ini sangat ditekankan agar segala pendapatan dan aktiviti yang dilakukan tidak menyeleweng daripada matlamat sebenar.



Penutup

Secara kesimpulannya, konsep kedai amal ini boleh dibangunkan dalam gerakan koperasi memandangkan kebaikan dan manfaatnya dapat dirasakan oleh anggota koperasi dan amnya kepada semua masyarakat. Memandangkan ia dikendalikan secara sukarela dan barangan diperoleh adalah percuma, impaknya akan merendahkan kos perniagaan. Seterusnya, harga barangan yang dijual di kedai amal adalah kompetitif dan dapat dinikmati oleh pelanggan. Tambahan pula, suasana ekonomi negara yang merudum ini sudah tentu kedai yang meletakkan harga barangan yang rendah akan mendapat sambutan. Inilah antara usaha yang dapat membantu golongan yang memerlukan terus berjuang dalam kehidupan. Melalui cara ini, masyarakat akan dapat melihat peranan gerakan koperasi sebagai satu wadah memperjuangkan kesejahteraan hidup rakyat Malaysia.